

Kerajaan kaji kelemahan Dasar Pandang ke Timur

Oleh Kadir Dikoh dan Tuan Nazuri Tuan Ismail

KUALA LUMPUR, Rabu ~ Kerajaan akan mengkaji semula pendekatan dalam Dasar Pandang ke Timur dan menangani segera sebarang kelemahan yang dikenal pasti, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri bagaimanapun berkata, dasar yang mula diperkenalkan pada 1982 itu, tidak akan dimansuhkan kerana terbukti ia berjaya sehingga membantu menjadikan Malaysia negara membangun yang paling maju.

Malah, katanya, cita-cita mencapai status negara maju menjelang 2020 akan bersandarkan kepada etika kerja ketimuran terutama hasil strategi dasar berusia 20 tahun itu, bukan budaya Barat yang tidak sesuai.

Reliau berkata, hasil dasar itu juga berjaya melahirkan pekerja terbaik, produktif, dedikasi dan taat setia kepada majikan serta penuh berdisiplin iaitu budaya yang jauh berbeza dengan amalan negara Karat yang pekerjaannya lebih bersifat konfrontasi serta me-

ngamalkan budaya mogok.

"Hasil Dasar Pandang ke Timur membuktikan kejayaan strategi kita. Pelatih terbaik dan paling produktif di kalangan pekerja serta eksekutif kita, kebanyakannya dilatih mengikut dasar ini.

"Mereka mengamalkan etika kerja yang baik. Dediikasi dan kesetiaan serta produktiviti mereka adalah lebih tinggi. Mereka berjaya memenuhi disiplin di tempat kerja," katanya pada majlis jamuan sambutan ulang tahun ke-20 Dasar Pandang ke Timur di The Palace of the Golden Horses, Seri Kembangan dekat sini malam ini.

Setiausaha Parlimen Hal Ehwal Luar Negara Kementerian Luar Jepun, Masahiro Yamamura dan Kuasa Usaha Sementara Republik Korea ke Malaysia, Chun Hae Jin turut berucap pada majlis itu bagi mewakili kerajaan masing-masing.

Dasar Pandang Ke Timur diilhamkan Dr Mahathir pada 1982, tidak lama selepas beliau menjadi Per-

dana Menteri.

Dasar itu bertujuan menyemai etika kerja, nilai serta kualiti pengurusan berasaskan model Jepun dan Korea Selatan dalam masyarakat Malaysia, khususnya dalam perkhidmatan awam, bagi menjayakan agenda pembangunan negara.

Baru-baru ini, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang dinamakan sebagai pengganti Dr Mahathir selepas Perdana Menteri bersara Oktober tahun depan, juga berkata Dasar Pandang ke Timur itu akan tetap diteruskan.

Dr Mahathir berkata, pekerja yang mendapat latihan mengikut Dasar Pandang ke Timur tidak meninggalkan pendidikan dan latihan serta tidak terjebak dalam kegiatan politik dan antisosial.

Katanya, mereka lebih menumpukan kepada pendidikan, latihan dan kerja bagi memperoleh kemahiran selain tidak menimbulkan masalah kepada kerajaan dan negara.

"Setelah menamatkan latihan atau pendidikan, mereka senang mendapat

kerja dalam bidang kelayakan masing-masing. Umumnya, mereka kurang bergantung kepada kerajaan dan kelihatan berpuas hati dengan kerja mereka. Kerana fasih berbahasa Jepun, mereka juga diberi pekerjaan oleh firma Jepun dan sesetengahnya bekerja sendiri.

"Hanya yang dikesali ialah warga Malaysia tidak memperoleh tempat yang sebanyak mungkin di universiti dan institusi latihan serta bekerja sambil beladiri.

"Kita faham had tempat dan dasar mereka tetapi kita juga mendapati kos menghantar pelajar ke Jepun dan Korea serta yuran universiti agak tinggi.

"Jika kerajaan (Jepun

dan Korea) dapat membantu, kita inginkan lebih banyak tempat latihan dan pendidikan di Jepun dan Korea," katanya.

Setakat ini, katanya, kira-kira 2,000 pelajar dan pelatih berada di Jepun, termasuk yang ditaja kerajaan Malaysia dan Jepun selain tajaan swasta.

Beliau berkata, walaupun di Republik Korea, jumlahnya cuma 85, mereka memberi sumbangan penting kepada syarikat negara itu yang beroperasi di Malaysia.

Dr Mahathir berkata, ramai juga yang bertanya sama ada kerajaan masih mahu memandang ke Timur sejajar dengan dasar itu dan jawapannya ialah ia akan tetap berbuat demikian.

"Kita percaya banyak etika kerja dan cara penguurusan ketimuran masih relevan. Tidak ada salah dari segi disiplin, kerja keras dan dedikasi pekerja Jepun. Malah tidak salah untuk meniru kesetiaan mereka kepada majikan.

"Memandang ke timur bukan semata-mata meniru apa saja yang dilakukan oleh negara Timur tetapi untuk belajar apa langkah silap atau sesuatu yang dilakukan yang perlu kita elak.

"Kita juga akan mempelajari bagaimana kelemahan serta kegagalan penguurusan ekonomi mereka, kemudian kita akan tahu apa yang perlu dilakukan," katanya.

Katanya, Malaysia beria-ia mahu menjadi negara

maju pada 2020 dan untuk mencapainya, budaya kerja perlu diubah dan budaya kerja ala Barat tidak akan membantu mencapai impian itu.

Dr Mahathir berkata, budaya Barat bersifat konfrontasi dan berdasarkan "siapa menang ambil semua" dan dengan itu, perbalahan wujud di antara pekerja dan majikan kerana masing-masing mahu menguji kekuatan.

Katanya, walaupun perbalahan itu akhirnya diselesaikan, banyak kerosakan sudah dilakukan seperti mogok, meningkatkan kos operasi sehingga menjejaskan saingan pasaran atau mengurangkan jualan dan keuntungan, malah sesetengah syarikat terpaksa ditutup.